## BAHAGIAN MUBTADA’

(زَيْدٌ) adalahmubtada’ dan (عَاذِرٌ) adalah khabar, contoh ayat: Zaid memaafkan orang yang meminta maaf”

Ayat pertama (زَيْدٌ عَاذِرٌ) terdiri daripada mubtada’ (dan khabar), ayat kedua (أَسَارٍ ذَانِ) “Adakah dua orang ini bermusafir?” terdiri dari **fa’il**/pelaku yang menepati **khabar**.

Kiaskanlah (ayat yang mempunyai) kata nafi seperti hukum (ayat yang mempunyai) kata Tanya. Terkadang dibolehkan seperti ayat: “Orang yang mempunyai petunjuk adalah orang yang berjaya”.

**Mubtada’ ada 2 bahagian:**

**1- Mubtada’ yang mempunyai khabar**

contoh: (زَيْدٌ عَاذِر)
Zaid memaafkan orang yang meminta maaf

Maksudnya: Selagi mubtada’ itu bukan berbentuk kata sifat seperti jenis kedua di bawah.

**2- Mubtada’ yang mempunyai fa’il/pelaku yang menggantikan tempat khabar**

contoh: (أَسَار ذَانِ)
Adakah dua orang ini bermusafir?

**Mubtada’ jenis ini** mempunyai **3 syarat**:
**(1) Mubtada’ berbentuk kata sifat yang berada pada ayat tanya atau ayat nafi**. Sekiranya ia bukan berbentu kata sifat maka ia bukan mubtada’, ini mengikut mazhab ulamak Basrah, berbeza dengan al Akhfaz.

contoh ayat tanya: (أَقَائِمٌ الزَّيْدَانِ) “Adakah Zaid berdua itu berdiri?”

contoh ayat nafi: (مَا قَائِمٌ الزَّيْدَانِ) “Tidaklah Zaid berdua itu berdiri”

## أقسام المبتداء

مُبْتَدَأٌ زَيْدٌ وَعَاذِرٌ خَبَرٌ *** إِنْ قُلْتَ: زَيْدٌ عَاذِرٌ مَنِ اعْتَذَرْ
وَأَوَّلٌ مُبْتَدَأٌ وَالثَّانِي فَاعِلٌ *** أَغْنَى فِي أَسَارٍ ذَانِ
وَقِسْ وَكَاسْتِفْهَامِ النَّفْيُ وَقَدْ *** يَجُوزُ نَحْوُ: فَائِزٌ أُولُوْا الرَّشَدْ

**المبتدأ** على **قسمين:**

**١ – مبتدأ له خبر**

المثال : زيد عاذر من اعتذر

| | | |
|---|---|---|
| **زيد:** مبتدأ | **عاذر:** خبره | **من اعتذر:** مفعول لـ (عاذر) |

والمراد به: ما لم يكن المبتدأ فيه وصفا مشتملا على ما يذكر في القسم الثاني

**٢ – مبتدأ له فاعل سد مسد الخبر**

المثال : أسار ذان

| | | |
|---|---|---|
| **الهمزة:** للاستفهام | **سار:** مبتدأ | **ذان:** فاعل سد مسد الخبر |

وهو: **كل وصف اعتمد على استفهام أو نفي**، نحو: (أَقَائِمٌ الزَّيْدَانِ)، و(مَا قَائِمٌ الزَّيْدَانِ) – فإن لم يعتمد الوصف لم يكن مبتدأ، وهذا مذهب البصريين إلا الأخفش –

**ورفع فاعلا ظاهرا** كما مثل أو ضميرا منفصلا، نحو: أَقَائِمٌ أَنْتُمَا

| | | |
|---|---|---|
| **الهمزة:** للاستفهام | **قَائِمٌ:** مبتدأ | **أَنْتُمَا:** فاعل سد مسد الخبر |

**(2) Mubtada’ itu merafa’kan fa’il yang berbentuk kata nama zahir** seperti dalam contoh di atas atau **Mubtada’ itu merafa’kan fa’il yang berbentuk kata gantinama munfasil**, contoh: (أَقَائِمٌ أَنْتُمَا) “Adakah kamu berdua berdiri?”

**وتم الكلام به** فإن لم يتم به الكلام لم يكن مبتدأ، نحو: (أَقَائِمٌ أَبَوَاهُ زَيْدٌ؟)

| | | |
|---|---|---|
| **زيد:** مبتدأ مؤخر | **قائم:** خبر مقدم | **أبواه:** فاعل بـ (قائم) |

**(3) Ayat menjadi lengkap denganya**, sekiranya ayat tidak lengkap maka ianya bukan mubtada’.
contoh: (أَقَائِمٌ أَبَوَاهُ زَيْدٌ؟) “Adakah kedua ibubapa Zaid berdiri?”

ولا يجوز أن يكون (قائم) مبتدأ، لأنه لا يستغني بفاعله حينئذ؛ إذ لا يقال: (أَقَائِمٌ أَبَوَاهُ؟) فيتم الكلام،

Dalam ayat (أَقَائِمٌ أَبَوَاهُ زَيْدٌ؟) ini, tidak boleh perkataan (قَائِمٌ) menjadi mubtada’ kerana tidak memadai dengan hanya ada fa’ilnya (أَبَوَاهُ) sahaja.
maka ayat (أَقَائِمٌ أَبَوَاهُ؟) adalah ayat tidak lengkap.

وكذلك لا يجوز أن يكون الوصف مبتدأ إذا رفع ضميرا مستترا؛ فلا يقال في (مَا زَيْدٌ قَائِمٌ وَلاَ قَاعِدٌ): إن قاعدا مبتدأ، والضمير المستتر فيه فاعل أغنى عن الخبر؛ لأنه ليس بمنفصل، على أن في المسألة خلافا.

Begitu juga tidak boleh kata sifat menjadi mubtada’ apabila ia merafa’kan kata gantinama mustatir. contoh (مَا زَيْدٌ قَائِمٌ وَلاَ قَاعِدٌ) adalah ayat salah. Perkataan (قَاعِدٌ) sebagai **mubtada’** dan kata gantinama mustatirnya sebagai **fa’il yang mengganti tempat khabar**, kerana ianya bukan kata gantinama munfasil. Perkara ini terdapatperbezaan pendapat di kalangan ulamak Nahu.

ولا فرق بين أن يكون الاستفهام بالحرف كما مثل، أو بالاسم كقولك:
كَيْفَ جَالِسٌ العَمْرَانِ؟

| | | |
|---|---|---|
| **كيف** : اسم استفهام في محل نصب حال من (العمران) | **جالس:** مبتدأ | **العمران:** فاعل بـ (جالس) سد مسد الخبر |

**Fa’il yang mengganti tempat khabar** yang berada dalam ayat Tanya itu tidak kiralah sama ada kata Tanya itu berbentuk harf atau kata nama,
contoh: (كَيْفَ جَالِسٌ العَمْرَانِ؟) Bagaimana Amru berdua duduk?

Begitu juga **Fa’il yang mengganti tempat khabar** yang berada dalam ayat nafi itu tidak kiralah sama ada kata nagi itu berbentuk harf atau kata kerja,
contoh: ( لَيْسَ قَائِمٌ الزَّيْدَانِ) “Zaid berdua tidak berdiri”.

contoh: ( غَيْرُ قَائِمٍ الزَّيْدَانِ) “Zaid berdua tidak berdiri”.

kerana maksud ayat ini sama dengan ayat (مَا قَائِمٌ الزَّيْدَانِ) “Tidaklah Zaid berdua itu berdiri”. Ungkapan (غَيْرُ قَائِمٍ) adalah sama dengan (مَا قَائِمٌ)

contoh lain:

Musuh-musuh kamu bukanlah orang yang halal, maka buanglah jauh-jauh kelalaianmu/berwaspadalah dan janganlah kamu terpedaya dengan tawaran perjanjian damai.

contoh seterusnya:

Tiada gunanya bersedih hati menghadapi zaman yang kesudahannya akan membawa kesusahan dan kedukaan.

وكذلك لا فرق بين أن يكون النفي بالحرف كما مثل، أو بالفعل كقولك:

(لَيْسَ قَائِمٌ الزَّيْدَانِ)

| | | |
|---|---|---|
| **ليس**: فعل ماض ناقص | **قائم**: اسم (ليس) | **الزيدان**: فاعل سد مسد خبر (ليس) |

وتقول: (غَيْرُ قَائِمٍ الزَّيْدَانِ)

| | | |
|---|---|---|
| **غير**: مبتدأ | **قائم**: مخفوض بالإضافة | **الزيدان**: فاعل بقائم سد مسد خبر (غير) |

لأن المعنى (ما قائم الزيدان) فعومل: (غير قائم) معاملة (ما قائم)

ومنه قوله:

٣٨ – غَيْرُ لاَهٍ عِدَاكَ فَاطَّرِحِ *** اللَّهْوَ وَلاَ تَغْتَرِرْ بِعَارِضِ سِلْمِ

| | | |
|---|---|---|
| **غير**: مبتدأ | **لاه**: مخفوض بالإضافة | **عداك**: فاعل بـ (لاه) سد مسد خبر (غير) |

ومثله قوله:

٣٩ – غَيْرُ مَأْسُوْفٍ عَلَى زَمَنٍ *** يَنْقَضِيْ بِالهَمِّ وَالحَزَنِ

| | | |
|---|---|---|
| **غير**: مبتدأ | **مأسوف**: مخفوض بالإضافة | **على زمن**: جار ومجرور في موضع رفع بـ (مأسوف) لنيابته مناب الفاعل وقد سد مسد خبر (غير) |

Abu Fatih bin Jinni bertanya kepada anaknya tentang ‘irab bait syair ini, lalu anknya bercelaru meng’irabkan bait tersebut.

Pendapat ulamak Basrah – kecuali al Akhfasy – mengatakan: kata sifat tidak menjadi mubtada’ kecuali apabila berada dalam ayat nafi atau ayat Tanya.

Al Akhfasy dan ulamak Kufah berpendapat: Tidak mensyaratkan perkara tersebut. Mereka membenarkan penggunaan ayat : (قَائِمٌ الزَّيْدَانِ) ini dimana perkataan (قَائِمٌ) sebagai mubtada’ dan (الزَّيْدَانِ) sebagai Fa’il yang mengganti tempat khabar.

Oleh kerana itulah pengarang menyatakan dalam baitnya :
(وَقَدْ يَجُوْزُ نَحْوُ: فَائِزٌ أُولُوْا الرَّشَدْ) maksudnya: Penggunaan kata sifat seumpama ini sebagai mubtada’ adalah dibenarkan walaupun tanpa di dahului dengan kata nafi atau kata Tanya.

Pengarang juga menyangka bahawa imam Sibawaih membenarkan perkara tersebut seperti kata-kata penyair:

Kami adalah orang yang lebih baik dari kalian pada pandangan orang ramai, bilamana ada orang yang meminta bantuan sambil berkata: Wahai fulan tolonglah aku

Juga termasuk dalam jenis ini ialah kata-kata penyair:

Orang yang paling mahir adalah bani Lahb, janganlah kamu mengeluarkan kata gurauan kepada salah seorang bani Lahb apabila burung melintasi

وقد سأل أبو الفتح بن جني ولده عن إعراب هذا البيت، فارتبك في إعرابه.

ومذهب البصريين – إلا الأخفش – أن هذا الوصف لا يكون مبتدأ إلا إذا اعتمد على نفي أو استفهام

وذهب الأخفش والكوفيون إلى عدم اشتراط ذلك؛ فأجازوا (قَائِمٌ الزَّيْدَانِ) فقائم: مبتدأ، والزيدان: فاعل سد مسد الخبر.

وإلى هذا أشار المصنف بقوله: (وَقَدْ يَجُوْزُ نَحْوُ: فَائِزٌ أُولُوْا الرَّشَدْ) أي: وقد يجوز استعمال هذا الوصف مبتدأ من غير أن يسبقه نفي أو استفهام.

وزعم المصنف أن سيبويه يجيز ذلك على ضعف، ومما ورد منه قوله:

٤٠ – فَخَيْرٌ نَحْنُ عِنْدَ النَّاسِ مِنْكُمْ *** إِذَا الدَّاعِي المُثَوِّبُ قَالَ: يَالاَ

| | |
|---|---|
| **خير**: مبتدأ | **نحن**: فاعل سد مسد الخبر، ولم يسبق (خير) نفي ولا استفهام |

وجعل من هذا قوله:

٤١ – خَبِيْرٌ بَنُوْ لَهْبٍ فَلاَ تَكُ مُلْغِيًا *** مَقَالَةَ لِهْبِيٍّ إِذَا الطَّيْرُ مَرَّتِ

| | |
|---|---|
| خبير: مبتدأ | **بنو لهب**: فاعل سد مسد الخبر |